

# 'MARKAS' REZEKI TIGA SAHABAT

Penoreh getah 'cari makan' di rumah tapuk pada musim hujan

*Photo oleh 12/2/2023 MS: 20*

Oleh Abnor Hamizam  
Abd Manap  
am@hmetro.com.my

## Jempol

Bergantung pada 'rumah tapuk' untuk mencari rezeki ketika mereka terputus mata pencarian sebagai penoreh getah akibat musim hujan.

Itu antara ikhtiar dilakukan tiga sahabat dari Kampung Ayer Hitam di sini, bagi mencari rezeki menyara keluarga dengan menangkap hasil sungai.

Usaha dilakukan itu membolehkan Khairul Nizam Hamzah, 42; Zakaria Husin, 47, dan Mohd Farhan Hamzah, 39, mampu menarik nafas lega kerana memperoleh pendapatan sampingan hasil tangkapan ikan baung, udang galah dan ikan lapan.

Khairul Nizam berkata, mereka menjadikan rumah tapuk sebagai kaedah menangkap ikan



RUMAH tapuk yang digunakan sebagai tempat menangkap ikan sungai.

di Sungai Serting di sini.

Menurutnya, rumah tapuk hanya berfungsi ketika air sungai naik akibat hujan dan ia dibina berdasarkan kaedah pembinaan masyarakat dahulu kala khusus untuk menangkap ikan.

Katanya, kaedah itu lebih mudah bagi menangkap ikan namun memerlukan kemahiran terutama membina rumah tapuk di atas air.

"Sungai Serting berham-

piran kampung kami menjadi pilihan berikutan masih terdapat spesis ikan bernilai tinggi dan ia sentiasa mendapat sambutan orang ramai.

"Namun, kami masih menjual hasil sungai ini pada harga berpatutan. Biasanya ikan yang berjaya ditangkap hanya dijual kepada penduduk setempat dan habis dijual dalam tempoh singkat," katanya.

**KHAIRUL Nizam menunjukkan ikan yang ditangkap di rumah tapuk sebelum dijual kepada penduduk kampung.**

